

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Menurut berita yang disiarkan oleh akhbar Indonesia “Abadi” bahawa di Jawa Tengah ada orang yang telah makan tikus sawah kerana tidak ada makanan lain disebabkan kapal-kapal Belanda sudah tidak berjalan lagi dan perusahaan-perusahaan Belanda dibukukan dalam langkah mengembalikan Irian Barat. Kita tidak pernah mendengar dalam masa aman orang memakan tikus seperti yang demikian itu. Ini menunjukkan betul perkataan Dr. Hatta bahawa langkah mengembalikan Irian Barat yang dijalankan di Indonesia itu ialah langkah yang tidak bertanggungjawab.

* * *

Dr. Mohammad Hatta menerangkan bahawa jika terjadi pertempuran untuk merebut Irian Barat, seperti yang dianjurkan oleh orang-orang Indonesia dengan mengadakan pasukan sukarela, bagaimanakah hendak menghantar mereka ke Irian Barat itu? Adakah mereka hendak direnangkan sahaja ke sana? Sedang kapal-kapal untuk mengangkut beras pun tidak ada. Kapal perang Indonesia “Gajah Mada” disebut Hatta sebagai kapal kosong yang tidak ada ertinya kalau mau bertempur dengan Belanda. Sebab itu Hatta menganjurkan untuk merebut Irian Barat tidak boleh dengan kekuatan tetapi hendaklah diambil dengan jalan damai.

* * *

Dalam Persidangan Afro-Asia yang diadakan di Mesir telah timbul suatu corak baharu yang nampaknya anti-Islam iaitu perkara Kashmir tidak pun disebut di sana padahal di Kashmir sekarang India menjajah umat

Islam – adakah ini kerana India ada bersama-sama di sana?

* * *

Menurut tajuk rencana “Indonesia Raya”

Komunis Indonesia telah berjaya memujuk Nahdatul Ulama’ dan Parti Nasional Indonesia menolak Dr. Mohammad Hatta memimpin sebuah jemaah menteri baru Indonesia. Komunis mencari jalan untuk menolak persatuan Sukarno-Hatta dan Komunis adalah bekerja keras memecahkan persatuan umat Islam. Jika orang memperingatkan berjaga-jaga kepada pengaruh Komunis maka dengan mudah sahaja mereka dicap sebagai alat-alat kapitalis asing. Beginilah di Indonesia. Keadaannya serupa dengan dahulu apabila “Warta” dan “Qalam” menghentam pengertian yang berupa Komunis di Cecil Street. Orang-orang menuduh “Qalam” dan “Warta” alat kerajaan asing. Kalau sekarang Tengku Abdul Rahman dengan kerajaan Perikatan-nya yang tegas menyatakan akan menghapuskan Komunis itu adakah pula ia alat kerajaan asing? – Masya-Allah!

* * *

KPGMS, yang mewakili 10,000 orang guru-guru Melayu di Persekutuan Tanah Melayu akan mengambil “tindakan yang tegas” jika kerajaan Persekutuan tidak melaksanakan rancangan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah umum semenjak dari permulaan.

Juga KPGMS menganggap pegawai ekspatriat yang masih ada di dalam Kementerian Pelajaran itu ialah

“saki-baki penjajah”. Sebenarnya orang telah melihat bahawa yang dikatakan pada zaman penjajah itu bahawa semua buku-buku untuk sekolah-sekolah itu hendaklah dicetak oleh bangsa mereka kerana sudah terang sama ada tepat atau tidak, mereka harus mendapat hasil daripadanya kerana banyak pula dikatakan mereka itu ahli-ahli syarikat perusahaan-perusahaan itu. Kerana itu semenjak mereka itu berkuasa hingga hari ini tidak sebuah pun buku-buku pelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah kerajaan itu dicetak oleh percetakan Melayu. Orang bertanya pula: Apakah ini akan diwarisi pula pada zaman merdeka? Setengah-setengah orang berkata bahawa keinsafan sahaja yang akan dapat membuktikan apa yang ada di situ.

* * *

Suatu peristiwa yang menunjukkan belang apa yang sebenarnya telah terjadi apabila Petir menang dalam pilihanraya Majlis Bandaran Singapura di dalam mana mercun-mercun telah diadakan di hadapan Majlis Bandar Raya. Kemudian Datuk Bandar baharu pula menunjukkan “perasaan kerakyatannya” tidak mau berbaju panjang yang dihaskan untuk Datuk Bandar – memadai dengan kemeja sahaja dan ahli-ahli majlis itu, terutamanya ahli-ahli Petir, tidak mau pula berdiri sebagai kehormatan kepada Ketua Bandar Raya yang lama yang masuk ke majlis itu. Perbuatan ini bagi orang ramai adalah menunjukkan kulit daripada isi yang sebenarnya. Menurut pengajaran Islam bahawa kalau kita tidak menghormati orang maka orang tidak akan menghormati kita. Kalau kita beradab maka kita mulia tetapi kalau kita tidak tahu adab maka kita dikatakan biadab. Perkara biadab ini ditegah benar oleh Islam. Nabi (SAW) memberi contoh hatta kepada musuhnya Yahudi yang datang kepadanya dialu-alukannya. Jadi adab itu sangat mustahak dipelajari. Walau bagaimana tingginya pelajaran seseorang kalau dia biadab maka harganya tidak lebih daripada orang-orang yang dikatakan

biadab. Sifat biadab seperti ini dikatakan hanya diajarkan kepada umum oleh orang-orang Komunis – benarkah begitu?

* * *

Di dalam Majlis Bandar Raya Singapura pada sidangnya yang pertama, ahli-ahli majlis berdiri sebagai tanda hormat apabila Datuk Bandar masuk ke majlis itu. Cara tata tertib ini baik, hanya sanya orang bertanya: Mengapa apabila Tuan Ri, sebagai Yang Dipertua Majlis Bandar Raya dahulu orang-orang Petir tidak mau memberi hormat kepadanya untuk menunjukkan sebagai orang yang tahu adat dan istiadat? Sungguh menyedihkan – kata sebahagian orang! Adakah yang demikian itu kerana mereka sangat bergembira?

* * *

Datuk Bandar Raya baharu Singapura, ketika menerangkan rancangan-rancangannya, berhajat supaya perbekalan air dan apai bagi orang awam dan pertengahan akan dikenakan semurah-murahnya. Dengan keterangan yang demikian itu orang bertanya: Bagaimanakah pula halnya dengan orang-orang yang mampu? Jawabnya tentu disuruh bayar lebih ataupun ringkasnya “diperas”. Cara ini kalau dijalankan menurut sebahagian orang, akan berbahaya kerana dengan perbezaan-perbezaan itu nanti orang-orang yang mampu akan tidak mau menjalankan usahanya yang berfaedah juga kepada rakyat sebab pada cara kerja yang dijalankan sekarang nampaknya kesenangan kaum pekerja sahaja yang dipandang sedang orang-orang yang mengadakan pekerjaan-pekerjaan, sama ada dari golongan perniagaan kecil atau besar, tidak berapa diendahkan sehingga dengan kerananya banyak peraturan-peraturan dibuat sehingga setengah-setengah perusahaan kecil “menjerit” dan daripada jeritan mereka, akibatnya terpaksa mengurangkan pekerja-pekerja dan kerja-kerja. Perusahaan mereka kebanyakannya dijalankan sekadar untuk cari makan sahaja. Ini adalah akibat daripada dasar berat sebelah dan tidak melihat kepada keadaan.